

DINAMIKA PEMBANGUNAN MELAYU: DARI KEPIMPINAN UMNO

JAMAIE HAJI HAMIL

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia*

ABSTRACT

The idea of Malay development is a long history of Malay Culture which had long been discussed by among other, Munshi Abdullah, Sheikh Al-Hadi, Za'ba and Ungku Aziz. What they meant by 'Malay development' was to uplift the awareness in life for the Malay community about the importance of modernization to be applied in the daily life. Hence, the idea of the 'New Malay', that has been voiced by Mahathir is not a new idea, but bring the same meaning, that is hard working, diligent, disciplined, open minded and competitive. Meanwhile, the Malay development according to this study is that how the Malay ethnic could accept changes, renewal and reformation and to negate the old belief that they are underdevelopment problems are expounded by looking at the several big effort done by UMNO leaderships from Dato' Onn Jaafar to Abdullah Ahmad Badawi.

ABSTRAK

Idea tentang pembangunan Melayu adalah sebuah sejarah kebudayaan Melayu yang panjang dan telah diperkatakan sejak Munshi Abdullah, Syed Sheikh Al-Hadi, Za'ba dan Ungku Aziz lagi. Apa yang mereka maksudkan pembangunan Melayu ialah usaha mempertingkatkan kesedaran dalam kehidupan bagi komuniti masyarakat Melayu tentang pentingnya menerima modenisasi untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Justeru itu, idea 'Melayu Baru' yang dicanangkan oleh Mahathir bukanlah satu gagasan baru tetapi membawa maksud yang sama iaitu orang Melayu perlu memiliki budaya kerja yang tekun, rajin, berdisiplin, terbuka dan berdaya saing. Manakala pembangunan Melayu menurut tulisan ini ialah bagaimana etnik Melayu dapat menerima perubahan, pembaharuan, reformasi untuk menolak anggapan bahawa Melayu sering dikaitkan

dengan kemunduran. Persoalan pembangunan Melayu dikupas dengan melihat beberapa usaha penting yang pernah dilakukan oleh kepimpinan UMNO sejak era Dato' Onn Jaafar hingga Abdullah Ahmad Badawi.

PENGENALAN

Dalam usaha untuk meningkatkan kemajuan dalam negara sedang membangun, proses pembangunan politik dan ekonomi menjadi agenda penting kepada perubahan masyarakatnya yang vertikal dan pelbagai sifatnya (Keesing, 1989). Proses evolusi dan perubahan yang berlaku dalam masyarakat berkenaan sering diterjemahkan sebagai modenisasi. Proses ini melibatkan sistem nilai-budaya dan sikap di mana kedua-duanya akan menyebabkan munculnya pola berfikir dari individu yang akan mempengaruhi bentuk tindakan dan sikap sesebuah masyarakat baik dalam menjalani kehidupan harian atau dalam urusan membuat keputusan (Alfian, 1992: 222). Dalam hal ini modenisasi tidak lari dari proses asimilasi serta percampuran bentuk dan budaya di kalangan etnik di lingkungan mana ia berada. Budaya pula diertikan sebagai keseluruhan atau kompleks yang mengandungi elemen-elemen pengetahuan termasuk sikap dan pola perilaku yang menjadi kebiasaan yang dimiliki dan diwarisi bersama oleh anggota suatu masyarakat tertentu (Lington, 1940), juga merupakan penafsiran sekelompok pengertian manusia terhadap pengalaman dan tindakan mereka sebagai kumpulan individu dalam sesebuah masyarakat (Geertz, 1957: 33-34 & Kavanagh, 1982: 52). Kebudayaan meliputi rangkaian simbol-simbol bermakna yang sistematis, makna atas peristiwa yang dihayati, keseluruhan pola yang merupakan kajian tentang individu dan kelompok yang berusaha untuk mengorientasikan dirinya dalam sebuah dunia (Geertz, 1992: 150).

Demikian juga halnya dengan masyarakat Melayu yang turut mengalami perubahan yang bersesuaian dengan rangka dan ruang lingkup kebudayaannya. Malahan idea tentang pembangunan Melayu jika diteliti sebenarnya adalah sebuah sejarah kebudayaan Melayu yang panjang yang telah diperkatakan sejak Munshi Abdullah, Sheikh Al-Hadi dan Za'ba, iaitu untuk meningkatkan taraf hidup dan membina kesedaran di kalangan komuniti Melayu tentang pentingnya menerima modenisasi dalam aplikasi kehidupan seharian (Harper, 1996: 242). Oleh itu idea Melayu Baru bukan satu gagasan yang mengejutkan apabila diutarakan oleh Mahathir yang sebenarnya merujuk kepada Melayu yang perlu kuat budaya kerjanya, ketekunan, ingin belajar, pemikiran terbuka, berdisiplin, memelihara etika dan berdaya saing. Melayu seharusnya menfokuskan kepada kemajuan bukan kepada hal yang remeh dan negatif semata-mata (Hing, 1998: 94). Ia adalah sesuatu yang lumrah dalam kepimpinan sesebuah negara untuk melihat rakyat yang semakin maju terutama terhadap etnik yang dominan menjadi pendukungnya. Dengan usaha tersebut diharapkan akan berlaku perubahan yang besar dalam aspek sosio-ekonomi terhadap mereka. Pengalaman masa lampau bagaimanapun membuktikan bahawa faktor yang menjamin kekuasaan minoriti kepada majoriti adalah penguasaan ekonomi oleh kelompok minoriti.

Pembangunan Melayu yang dimaksudkan oleh tulisan ini adalah tentang bagaimana etnik Melayu dapat menerima perubahan, pembaharuan, reformasi untuk keluar daripada epistimologi dan konotasi Melayu yang sinonim dengan kemunduran dan keterbelakangan terutama dari sudut sosioekonomi. Tulisan ini cuba melihat peranan yang dimainkan oleh kepimpinan UMNO sejak era Onn Jaafar hingga Abdullah Ahmad Badawi. Idea pembangunan Melayu dalam tulisan ini adalah hampir sama dengan gagasan Melayu Baru yang dicipta Mahathir. Gagasan Melayu baru sesungguhnya bukan asing tetapi ia adalah satu bentuk dinamika kehidupan orang Melayu yang perlu dipertingkatkan (Shamsul, 1998). Malah persoalan lama dan baru dalam konteks Melayu ini sebenarnya merupakan satu persoalan yang amat biasa dan berlaku di mana sahaja. Namun, perubahan ini amat diperlukan dan tidak dapat dielakkan lagi demi untuk kemantapan dan peningkatan status kita sebagai satu bangsa yang maju (Shahnon, 1994: 105).

Gagasan ini telah diutarakan sebagai sesuatu yang kononnya baru ketika Perhimpunan Pemuda UMNO pada 6 hingga 8 November 1991. Konsep Melayu Baru yang dicanangkan oleh Mahathir merupakan strategi sosiopolitik jangka panjang untuk membentuk Melayu lebih dinamik serta membawa keluar mereka dari pemikiran feodal dan kolonial (Harper, 1996: 241). Melayu Baru didefinisikan sebagai budaya yang sesuai dengan aliran zaman, yang sanggup menghadapi segala cabaran, yang terpelajar dan berilmu, canggi, jujur, berdisiplin, amanah dan cekap (Rustam, 1993: 87). Baru yang disarankan oleh Mahathir ialah sikap dan budaya kerja yang tekun, individu berdaya saing sanggup menghadapi cabaran dan percaya kepada kemampuan untuk berjaya (Khoo Boo Teik, 1995: 333). Epistimologi sedemikian adalah penambahan kepada makna 'pembangunan Melayu' yang kelihatannya adalah untuk memperkuat cita-cita kepimpinan UMNO yang ingin melihat Melayu terus berjaya dan berdaya saing hingga ke peringkat antarabangsa. Usaha-usaha yang dilakukan oleh kepimpinan UMNO itu dianggap sebagai usaha yang berani dan memberi harapan bagi memantapkan dan memartabatkan lagi bangsa Melayu sebagai satu bangsa yang bermaruah, disegani dan dihormati (Shahnon, 1994: 106).

PEMBANGUNAN MELAYU ERA TRADISIONAL

Kesultanan Melayu Melaka dijadikan fokus tinjauan untuk melihat pembangunan Melayu era tradisional kerana ketika itu di sana telah wujud dinamika masyarakat Melayu yang menonjolkan identiti sosial dan ekonomi kebudayaan dari ruang lingkup budayanya sendiri. Melaka yang terkenal sebagai sebuah empayar dan pusat perdagangan yang berjaya dikendalikan oleh orang Melayu sebagai pentadbirnya. Melihat kejayaan orang Melayu di zaman Kesultanan Melayu Melaka adalah dengan melihat konteks waktu itu, di mana ketika itu telah muncul orang Melayu yang kaya, Melayu sebagai pentadbir yang cekap, pengurus dan ahli perniagaan. Pedagang dari Timur dan Barat menjadikan Melaka sebagai tempat dan pelabuhan transit dan berurus niaga kerana di sana dikatakan memiliki pegawai dan pengurusan yang cekap dalam soal perdagangan

(Yusoff Hashim, 1989). Ini membuktikan bahawa orang Melayu bukan sahaja layak menjadi Raja dan bangsawan semata-mata tetapi mereka juga setanding dengan pedagang dan pentadbir dari negara asing yang mampu mengendalikan urusan perdagangan dan pengurusan pelabuhan dengan berkesan.

Bendahara Tun Perak yang hidup dan berkhidmat di bawah beberapa pemerintahan Kesultanan Melaka adalah individu Melayu Melaka yang boleh dijadikan contoh. Beliau memainkan peranan besar dalam mencipta kegemilangan Melaka sama ada dari segi keupayaan dan kebijaksanaan untuk meluaskan jajahan takluk di seluruh Nusantara. Kepintarannya dalam urusan pentadbiran serta kerjasama dan kepercayaan yang diberikan oleh sultan terhadapnya, beliau berjaya menjadikan Melaka sebagai sebuah pelabuhan perdagangan yang masyhur (Winstedt, 1986). Keupayaan pengurusan pentadbiran beliau di peringkat lokal turut teruji dan terbukti berkesan bukan sahaja sebagai Bendahara tetapi dalam masa yang sama turut memegang jawatan sebagai Pembesar Daerah di Kelang (Jamaie, 1993). Keupayaan dan kepimpinan yang ditunjukkan oleh Tun Perak sebenarnya menjadi faktor kegemilangan Melaka dan merupakan individu terbilang yang pernah dimiliki oleh bangsa Melayu dan Melaka. Ini membuktikan bahawa kehebatan Melaka bukan terletak semata-mata terhadap raja-raja Melaka.

Sebelum era kolonial sistem ekonomi tradisional yang diwarisi oleh orang Melayu menjadi satu faktor penyumbang kepada kemunduran dan keterbelakangan mereka. Fenomena ini terjadi kerana negeri-negeri Melayu yang mengamalkan sistem beraja yang turut menjadikan sistem pembesar daerah yang dilantik atas kuasa sultan untuk mengutip cukai atau membuka satu-satu petempatan pertanian (Gullick, 1978: 11). Melalui sistem ini, golongan yang diperintah dipaksa mengeluarkan hasil-hasil untuk pemerintah dalam bentuk persembahan atau membayar cukai kepada raja melalui pembesar daerah dan dalam masa yang sama pembesar daerah bertindak sebagai penanggu (Roff, 1975: 1-2). Implikasi daripada polisi ini adalah rakyat hanya bekerja untuk pemerintah sedangkan daripada pemerintah pula tidak ada sebarang perubahan baru yang dilakukan untuk kepentingan rakyat. Situasi ini mewujudkan budaya selesa kepada pembesar-pembesar Melayu termasuk raja dengan apa yang ada tanpa ada usaha ke arah memperbaiki keadaan dan kemunduran yang sedia ada.

Dasar imperialisme Barat yang melanda Timur bukan sahaja meruntuhkan kehebatan institusi feudalisme tetapi turut merobohkan ialah kekuatan sosial budaya Melayu yang sedia ada. Antara faktor sosiobudaya yang menyebabkan sedemikian adalah mental masyarakat petani tidak mempunyai kekuatan dan tiada inisiatif sendiri untuk berbuat lebih daripada apa yang perlu; mereka hanya menerima dan menganggap orang Barat sebagai tinggi kedudukannya (Alfian, 1992: 221). Tambahan pula Barat sering melihat dirinya sebagai penampilan akal dan cahaya tamadun, memiliki kecergasan sementara peradaban Timur pula mewakili tahyul dan kegelapan, serta penuh dengan kelembapan (Anwar, 1997: 29).

Kedatangan kolonialisme Inggeris terus berusaha untuk meletakkan orang Melayu sebagai masyarakat yang mundur di negara sendiri. Orang Melayu seperti mengalami satu kejutan baru yang menyebabkan asas perkembangan dan kemajuan yang pernah gemilang di era Kesultanan Melaka turut tergendala. Kehadiran kolonialisme ke Tanah Melayu seiring dengan kehadiran sistem ekonomi kapitalis yang mereka cuba kembangkan. Institusi raja dari segi autoriti dan legitimasi dihapuskan tetapi kedudukan raja dari segi budaya dikekalkan untuk dimanipulasikan sebagai tujuan untuk mengambil segala potensi ekonomi yang ada atau yang bakal ditemui bagi kepentingan koloni tanpa mempeduli kepentingan sosioekonomi tanah jajahan. Dalam aspek praktik ekonomi kapitalis telah mengundang jurang yang ketara antara sistem ekonomi tradisional dengan sistem ekonomi Barat yang melibatkan perladangan dan perdagangan. Ketika ini wujudlah dualisme ekonomi yang tujuannya semata-mata untuk kepentingan penjajah. Sistem ekonomi tradisional bukan cuba dimajukan tetapi semakin cuba dihancurkan.

Dasar pecah dan perintah Inggeris yang diamalkan oleh Inggeris telah menghakis ikatan taat setia feudalisme Melayu serta menyekat kelompok rakyat yang majoriti untuk bersama-sama memperoleh berbagai peluang ekonomi di negara sendiri. Pengenalan sistem ekonomi kapitalis mendatangkan kesan yang mendalam pada orang Melayu kerana sebelum ini tidak pernah terdedah kepada ekonomi komersial sementara itu mereka tiada hak dan upaya mengawal harga, semuanya ditentukan oleh pihak kolonial. Kejayaan British menanam getah di Kuala Kangsar membuktikan bahawa Tanah Melayu berpotensi dijadikan sebagai kawasan tanaman ladang. Akhirnya Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan telah diterokai oleh kapitalis Barat untuk ditanam dengan getah secara perladangan. Kesan lebih buruk kepada orang Melayu adalah apabila penumpuan tugas yang dipaksa untuk tujuan ekonomi ladang menyebabkan tanaman sendiri terpaksa diabaikan. Ironisnya, dalam masa yang singkat sahaja tanah itu pula dikuasai oleh kapitalis Inggeris dan Cina. Orang Melayu dalam konteks ini seolah-olah diklasifikasikan sebagai bangsa kedua di bawah bangsa penjajah walaupun Tanah Melayu adalah milik orang Melayu dan membiarkan mereka terus tinggal di kampung-kampung dan di pinggir-pinggir sungai dalam serba kedaifan sosioekonomi.

Pendidikan vernakular Melayu yang diperkenalkan oleh British adalah sekadar untuk memenuhi polisi penjajah. Sekolah Melayu dibina di kampung-kampung di kawasan pedalaman yang jauh dari pusat pentadbiran supaya mereka terus tinggal di kampung. Sekolah ini dibina hanya membolehkan orang Melayu menulis dan membaca serta berkebun sahaja. Ia dibina supaya British tidak dianggap mengabaikan tanggungjawab pendidikan di tanah jajahannya. Matlamat untuk melihat Melayu memperoleh kemajuan di bidang pendidikan memang tidak tercapai. Sebaliknya, anak-anak Melayu lepasan sekolah ini pulang ke kampung halaman masing-masing bekerja sebagai petani, buruh, peon atau guru. Ini menyebabkan mereka terus tinggal dan kekal di kawasan desa yang senonim dengan kemunduran menjadi pewaris tugas bapa mereka (Shamsul, 1982: 338). Pendidikan Inggeris hanya diberikan kepada anak-anak tempatan berdasarkan kelas sosial yang penuh diskriminatif (Jomo 1991). Mereka yang menduduki posisi

tertinggi dalam kelas sosial biasanya mempunyai kekuasaan dan wewenang, sehingga dapat mempengaruhi pihak-pihak lain untuk melakukan hal-hal yang disenangi dan dikehendaki pemegang kuasa (kolonial).

Maktab Melayu Kuala Kangsar (MMKK) yang ditubuhkan pada tahun 1905 hanya menerima golongan aristokrat Melayu. Mereka diajar pendidikan Inggeris, tatacara kehidupan dan 'dipaksa' menerima nilai-nilai Barat. Kelompok aristokrat yang menuntut di sini sengaja dibina dan dipersiapkan mental dan fizikal mereka untuk membantu tugas-tugas birokratik kolonial (Khasnor, 1984: 69). Golongan ini tidak menyedari bahawa mereka merupakan satu golongan yang akan dijadikan kuli atau orang suruhan apabila selesai pendidikan di sekolah Inggeris. Pihak kolonial memang sengaja mewujudkan sistem kelas dalam masyarakat Melayu supaya dasar pecah dan perintah itu dapat dijalankan dengan berkesan.

Golongan aristokrat diberikan status yang tinggi dan dipisahkan daripada rakyat jelata supaya mereka tidak dapat saling pengaruh-mempengaruhi untuk melahirkan semangat nasionalisme yang akhirnya menyusahkan penjajah. Kemudian apabila tamat pendidikan di MMKK, sebahagiannya terus melanjutkan pelajaran ke London dan apabila pulang ke Tanah Melayu mereka dilantik sebagai Majistret Kelas III, Penolong Pegawai Kelas II dan III seperti Penolong Pegawai Daerah, Penolong Pemungut hasil Tanah dan Galian, Penolong Pesuruhjaya Daerah, iaitu jawatan pentadbiran kelas bawahan (Ramlah, 1998: 112 & 132). Golongan rakyat biasa yang terpinggir akan terus melarat dan tinggal di kampung yang disediakan pendidikan yang hanya untuk tujuan mengenal huruf melalui sistem vernakularnya (Cheeseman, 1948). Kesedaran awal tentang penindasan berkenaan juga tidak datang daripada golongan aristokrat yang dimanjakan itu tetapi ianya datang dari anak-anak Melayu proletariat yang melanjutkan pelajaran di Timur Tengah dengan pembiayaan sendiri pada awal abad ke-20.

KESEDARAN PEMBANGUNAN MELAYU TAHAP AWAL

Meletakkan kesalahan sepenuhnya pada kolonialisme bukan faktor tunggal dalam melihat masalah keterbelakangan sosioekonomi Melayu. Hal ini kerana ia juga disebabkan oleh orang Melayu itu sendiri seperti yang pernah diutarakan oleh intelektual Melayu terkini atau ianya telah pernah diperkatakan oleh intelektual Melayu tradisional yang mewakili zamannya (Harper, 1996: 242). Pada pertengahan abad ke-19, Abdullah Abdul Kadir Munshi seorang pemikir Melayu yang rajin mencatat bentuk kehidupan yang dilalui oleh orang Melayu di mana beliau boleh dianggap sebagai perakam gerak budaya masyarakat Melayu yang ulung. Beliau tidak semata-mata mengamati bentuk kehidupan masyarakat Melayu tetapi mendampingi juga orang Inggeris. Abdullah mempunyai hubungan yang baik dengan kolonial dan cuba membuat bandingan terhadap pola dan bentuk kehidupan masyarakat Melayu ketika itu dengan kehidupan sekelompok masyarakat kolonial di Tanah Melayu.

Beliau mendapati kemunduran orang Melayu ketika itu adalah disebabkan persepsi negatif kelompok feodal dan konservatif Melayu yang tidak mementingkan pendidikan dan bimbingan akhlak yang baik. Kelompok feodal merujuk kepada pembesar Melayu yang langsung tidak mengalakkan pendidikan yang lebih baik kepada anak-anak buahnya. Pendidikan bagi mereka lebih sesuai untuk golongan pemerintah dan aristokrat. Manakala kumpulan konservatif pula ialah guru-guru agama yang terlalu mementingkan agama untuk akhirat semata-mata sehingga mengenepikan hakikat bahawa agama juga penting untuk kegunaan di dunia. Mereka tidak mendalami ilmu agama secara lengkap, tidak menggunakan pendekatan yang sesuai dan lebih mengecewakan mereka dipengaruhi pula oleh kepercayaan agama yang dicampuradukkan dengan fahaman animisme (Fawzi, 1991: 116). Akibatnya golongan rakyat yang berkeinginan untuk maju telah dinafikan haknya serta ditindas. Abdullah memberikan pandangan bagaimana untuk mengatasi masalah berkenaan adalah dengan sikap keterbukaan golongan feodal terhadap pentingnya pendidikan kepada rakyat. Bagi golongan konservatif Melayu caranya adalah mengambil nilai-nilai pembaharuan yang dimiliki oleh masyarakat Inggeris tetapi tetap tidak mengubah nilai-nilai budaya Melayu dan masih kental berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar.

Pada awal abad ke-20 reformis Islam yang terkenal iaitu Syed Sheikh Al-Hadi sering mencetuskan ideanya tentang masalah orang Melayu dan masa depannya melalui akhbar Al Imam. Beliau tidak menafikan kemunduran orang Melayu disebabkan oleh tekanan pihak penjajah tetapi beliau juga mengaitkan dengan sikap dan budaya Melayu yang malas, tidak ambil berat suka berbalah sesama sendiri, sukar bekerjasama dan tidak mengamalkan ajaran Islam yang sebenar (Roff, 1975) Ada kecenderungan terdapatnya guru agama yang masih menerima unsur kepercayaan dan kebudayaan Hindu yang meresap dalam budaya Melayu yang diwarisi sejak dahulu. Hal ini terjadi kerana guru agama berkenaan tidak terdedah dengan pendidikan yang lebih tinggi melainkan sekolah pondok dan hidup pula sentiasa dalam lingkungannya yang tidak menerima unsur perubahan. Malah diperkuatkan lagi dengan penerimaan yang masih kental terhadap kepercayaan animisme. Beliau mencadangkan cara mengatasinya adalah dengan mengadakan reformasi terhadap pendidikan agama dan menjauhi amalan kurafat. Ini bermakna Islam bukan agama statik dan mononton sehingga tidak boleh diubahsuai berdasarkan keadaan semasa tetapi yang pasti ia haruslah tidak terkeluar daripada landasan Islam yang sebenar. Golongan reformis Islam ini dianggap sebagai intelektual yang bercita-cita tinggi untuk memperbaiki dan mengubah keadaan sosioekonomi Melayu. Golongan ini berusaha untuk membangunkan daya pemikiran Islamik dengan sentuhan moden, pembaharuan pendidikan yang lebih mencabar dan beraneka serta melindungi Islam daripada pengaruh Barat serta berusaha untuk meningkatkan semangat Islamisasi di Tanah Melayu (Khoo Kay Kim, 1982: 174).

Pertengahan abad ke-20 Za'ba yang dianggap sebagai pendeta Melayu turut menyatakan bahawa kemunduran orang Melayu disebabkan kurangnya pendidikan, lemah semangat, tidak mahu berdikari, tidak tekun, mudah jemu, tawar hati, suka buang waktu, lemah cita-cita dan tiada tujuan hidup (Abdul Rahman, 1999: 14). Beliau menyatakan bahawa

populasi, kemakmuran dan kekayaan ekonomi Tanah Melayu hanya dinikmati oleh bukan Melayu. Penguasaan ekonomi oleh bukan Melayu ini terjadi kerana peluang ekonomi yang boleh mendatangkan kemakmuran itu hanya terdapat di bandar atau pekan yang dimonopoli oleh mereka. Masyarakat Melayu lebih selesa tinggal di kawasan perkampungan yang jauh dari bandar atau pekan. Mereka lebih suka kepada kehidupan tradisi yang digambarkan melalui pengelompokan tempat tinggal keluarga. Anak yang sudah berkahwin akan tinggal dengan ibu bapa sama ada mereka tinggal dalam sebuah rumah bersama dengan ibu bapa ataupun tinggal menumpang di tanah keluarga atau tanah milik ibu bapa atau tanah adat. Tradisi ini akan menyebabkan wujud kelompok keluarga dalam suasana yang sama, cara hidup harian yang sama dan pekerjaan yang diwarisi daripada kelompok keluarga yang sama.

Budaya ini menjadikan peluang ekonomi yang ada di bandar atau pekan akan direbut dan dikuasai oleh masyarakat yang tidak mengamalkan budaya sedemikian. Tradisi ini adalah faktor yang akan menambah tahap kemunduran dan keterbelakangan Melayu dalam mengejar perubahan yang disebabkan oleh faktor demografi dan populasi berkenaan. Sewajarnya Melayu terus terpinggir dari arus pembangunan kerana modenisasi akan sampai dan berkembang pesat hanya di bandar-bandar. Dalam konteks penyelesaiannya, beliau tidak memberikan caranya tetapi menyatakan bahawa dalam masa 200 tahun akan datang pun Melayu tidak akan maju sekiranya sikap tidak berubah. Malah ada kemungkinan Melayu akan terus kecundang oleh bangsa lain yang rajin, pintar dan pandai menguasai hal-ehwal ekonomi.

Abdul Rahim Kajai pula melihat bahawa faktor penjajah sebagai aspek yang sangat dominan dalam menentukan nasib orang Melayu. Beliau menyalahkan kolonialisme yang menyebabkan orang Melayu terus berada dalam keadaan kemunduran, dengan cara ditipu, dianiaya, dikhianati setiap waktu oleh mereka. Rahim turut mendakwa bahawa imigran memainkan peranan sampingan untuk bersekongkol atau kerjasama dengan bangsa kolonial dalam menekan dan melakukan tipu muslihat yang licik bagi memonopoli ekonomi Tanah Melayu. Jalan keluar paling asas dicadangkan adalah dengan mengadakan reformasi pendidikan agama serta menghapuskan kekolotan yang ada dalam pemikiran orang Melayu. Implikasi daripada cadangan beliau itu wujud polimik yang ketara antara kelompok Melayu yang mempertahankan tradisi dengan kelompok Melayu memperjuangkan daya intelektual bersandarkan realiti di kalangan pemuka agama Melayu.

Pertentangan ini menyaksikan konflik yang berpanjangan kerana masing-masing mempertahankan status quo dengan mementingkan hal keagamaan yang konservatif sehingga mengeneipkan aspek keduniaan. Sedangkan dalam hal ini kesejahteraan dan kehidupan semasa hidup di dunia turut sama dituntut oleh Islam. Namun, usaha beliau itu gagal kerana majoriti orang Melayu masih terlalu berpegangan teguh kepada fahaman konservatif terutama dari segi ajaran agama dan sosialisasi yang tidak bersesuaian, terlalu mementingkan akhirat. Kegagalan usaha itu turut diperkuat lagi kerana fahaman agama mereka yang masih sangat dipengaruhi oleh unsur animisme tetapi mereka ini

terdiri daripada pemuka agama seperti guru agama, imam, pegawai agama, kadi malah ulama yang dilantik oleh sultan (Fawzi, 1991: 116).

Sekitar tahun 1946-1951 Onn Jaafar selaku Presiden UMNO bertindak sebagai juru bicara bagi pihak politik Melayu. Beliau cuba menggunakan saluran parti untuk tujuan 'pembangunan Melayu'. UMNO dianggap menjadi juru bicara bagi pihak Melayu kerana kesediaan parti tersebut untuk bekerjasama dengan bukan Melayu, menolak kumpulan radikal parti Melayu lain (PKMM) serta bersama membentaras komunis. Onn Jaafar mendesak Inggeris memberi bantuan kewangan kepada orang Melayu dengan tiga alasan; pertama, bantuan itu diharap dapat memperbaiki hubungan yang telah musnah akibat gagasan Kesatuan Malaya 1946. Kedua, tanda terima kasih penjajah kepada orang Melayu kerana sokongan untuk menolak komunisme di Tanah Melayu. Ketiga, bantuan itu akan membalas budi kepada orang-orang Melayu kerana selama ini sejak 1786 hasil-hasil ekonomi Tanah Melayu turut menyumbang kepada perbendaharaan kerajaan Inggeris di Britain. Desakan beliau itu menjadi kenyataan apabila pada Oktober 1950, *Rural Industrial Development Authority* (RIDA) dibentuk oleh kerajaan kolonial di Tanah Melayu. Ia diwujudkan untuk membantu mengatasi kemunduran dan kemiskinan Melayu (Ramlah, 1996). Walaupun dalam aspek pelaksanaannya RIDA ini gagal kerana ketiadaan sumber manusia dan kepakaran tempatan tetapi setidaknya-tidaknya ada usaha Onn Jaafar untuk membangunkan orang Melayu dari segi konsepnya.

PEMBANGUNAN MELAYU PASCA MERDEKA

Setelah merdeka, orang Melayu seolah-olah kehilangan arah dalam mencari strategi yang sesuai untuk digunakan bagi menjamin transformasi, kemajuan dan kejayaan. Hampir keseluruhan usaha telah dicurahkan terhadap pembangunan negara dan usaha mengawal kemungkinan tercetusnya pergeseran etnik iaitu satu masalah yang ditinggalkan oleh zaman kolonial. Tidak menghairankan kenapa orang Melayu menjadi sedemikian kerana pihak kolonial telah berjaya menanamkan identiti orang Melayu yang sedemikian rupa. Ketika itu terdapat dua kelas Melayu yang berjaya dibina oleh penjajah iaitu masyarakat Melayu yang berada di luar orbit *westernization* yang terdiri dari majoriti rakyat biasa dan kelompok elit aristokrat sebagai mewakili masyarakat yang sudah jauh menempuh gaya pembaratan (Benda, 1983: 154). Jelas sekali selepas merdeka, orang Melayu ketinggalan jauh dalam berbagai bidang terutama ekonomi yang telah dimonopoli oleh etnik Cina dan Eropah. Usaha untuk pembangunan orang Melayu tidak semudah yang disangka kerana ketika itu bukan Melayu telah berada jauh di depan berbanding dengan orang Melayu. Sehingga orang Melayu telah diidentifikasikan sebagai malas, suka buang masa, tidak berpelajaran, tidak pandai berniaga dan suka rendah diri.

Pada awal tahun 1960-an seorang intelektual Melayu iaitu Ungku Aziz sering membuat kajian tentang kemiskinan dan kemunduran Melayu. Beliau mengaitkan kelemahan tersebut dengan tiga faktor iaitu pengabaian pihak penjajah, masalah orang tengah

dan tiadanya institusi kredit untuk membantu orang Melayu. Dua faktor terakhir itu sebelum ini tidak pernah disentuh oleh mana-mana pemikir Melayu sebelumnya. Ungku Aziz cuba melihat kelemahan itu yang dikaitkan dengan teori-teori ekonomi praktis dalam usaha pembangunan Melayu. Beliau mencadangkan untuk membantu orang Melayu, perkara yang paling asas adalah dengan menubuhkan koperasi selain menimbulkan kesedaran dan menyebarkan pentingnya pendidikan di kalangan orang Melayu. Pendapat ini bukan sahaja menjadi gagasan idea semata-mata tetapi kemudian cuba direalisasikan melalui tindakan politik oleh kepimpinan UMNO.

Pandangan Ungku Aziz itu menarik perhatian Tun Razak yang ketika itu diberikan tanggungjawab oleh Tunku untuk 'melihat-lihat' masalah ekonomi Melayu. Hasilnya Kongres Ekonomi Bumiputera I telah diadakan pada 5 hingga 6 Jun 1965. Kongres ini memperlihatkan bagaimana golongan Bumiputera mulai gelisah terhadap masalah-masalah ekonomi terutama dalam bidang perusahaan dan perdagangan (Haflah, 1989: 13). Kongres ini mendapat kerjasama dari kabinet kerajaan yang turut menganggotai Panitia Pelaksana yang terdiri daripada Khir Johari (Menteri Pelajaran) dan Abdul Rahman Yaakob (Tanah dan galian). Kongres ini bertujuan mencari alternatif bagaimana Melayu boleh turut terlibat dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Kerajaan didesak untuk mendedahkan orang Melayu kepada perniagaan, latihan, khidmat nasihat, peluang dan galakan kepada Bumiputera untuk terlibat dalam perniagaan dan perusahaan secara komersial. Hasil kongres ini telah memutuskan supaya dibentuk Bank Bumiputera, mengubah peranan RIDA kepada MARA, sebuah perbadanan kebangsaan untuk mengelolakan penyertaan Bumiputera dalam bidang tersebut.

Lanjutan dari Kongres I ini pada 7 hingga 8 September 1968 Kongres Bumiputera II pula diadakan. Dalam kongres ini beberapa masalah telah dibangkitkan antaranya ialah Bank Bumiputera yang telah dibentuk sukar memberikan kredit kepada orang Melayu dan Bumiputera yang memerlukan, pihak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan meragui kemampuan Melayu untuk terlibat dalam bidang import dan eksport. Di akhir kongres Tun Razak mencadangkan tiga tindakan drastik iaitu menubuhkan Syarikat Perniagaan Kebangsaan, membentuk syarikat kewangan di bawah Bank Bumiputera dan terlibat dalam kegiatan perniagaan yang menguntungkan Melayu.

Kongres Bumiputera I dan II yang diadakan itu telah membuka kesedaran kepada kerajaan supaya lebih bersungguh-sungguh dalam menangani masalah pembangunan Melayu. Beberapa masalah yang dihadapi oleh Melayu memerlukan bantuan langsung daripada kerajaan sama ada dalam bentuk kewangan, insentif yang menarik dan dasar-dasar kerajaan. Kedua-dua kongres ini menjadi titik tolak kepada UMNO untuk melahirkan golongan peniaga dan usahawan Melayu yang dianggap sebagai usaha pembangunan Melayu. UMNO mula memberikan perhatian yang wajar dan antara tindakan drastik yang diambil adalah dengan melibatkan kepimpinan UMNO sendiri dalam program berkenaan.

Ketika yang sama Mahathir dianggap sebagai intelektual Melayu yang lantang mengkritik kepimpinan Tunku yang tidak membantu orang Melayu keluar daripada

kepompong kemunduran ekonomi. Beliau melihat Tunku lebih mengutamakan sikap kompromi dengan bukan Melayu yang menyebabkan Melayu terus mundur. Beliau mengupas masalah orang Melayu yang ketinggalan dalam segala aspek melalui buku "*Dilema Melayu*". Jalan keluar yang terbaik disarankan oleh Mahathir adalah dengan campur tangan kerajaan secara langsung dalam dasarnya untuk kebaikan orang Melayu (Mahathir, 1982: 55). Di peringkat awal, pandangan Mahathir ini dianggap 'lekeh' oleh Tunku tetapi apabila berlaku rusuhan kaum akibat agihan ekonomi yang tidak setara ia menjadi bukti bahawa terdapat kebenaran akan kepincangan tersebut. Implikasi 13 Mei 1969, menyebabkan kerajaan akur dengan pandangan sarjana dan intelektual Melayu tentang pentingnya dibentuk dasar yang dapat membantu kepentingan Melayu.

Penguasaan ekonomi oleh orang Cina dan Eropah menyebabkan orang Melayu terus terpinggir jauh (Jomo, 1988: 284). Mereka menguasai perusahaan dan perniagaan komersial yang mendatangkan keuntungan terutama di bandar sedangkan Melayu terus tinggal di kampung-kampung dengan sektor ekonomi tradisional (Comber, 1985: 71). Kesempatan ini memberi ruang monopoli oleh Cina dan Eropah yang masih tinggal di Malaysia dalam sektor ekonomi. Gejala ini mewujudkan sentimen kaum kerana wujudnya jurang sosioekonomi antara Melayu yang mengakui sebagai *definitive race* berbanding dengan imigran lain (Milne & Mauzy, 1978: 321-322). Sepatutnya sebagai bangsa pentakrif bagi Tanah Melayu sewajarnya mereka diberi kepentingan dan peluang ekonomi yang lebih besar.

PEMBANGUNAN MELAYU PASCA DASAR EKONOMI BARU

Dalam konteks pembangunan Melayu, DEB adalah sebagai alat yang cuba digunakan untuk memulihkan bentuk kehidupan Melayu dalam aspek sosioekonomi. Ia berhasrat melahirkan satu kelas peniaga Melayu dalam satu generasi tetapi kelahiran berkenaan merupakan satu perkembangan natural yang mengambil tempoh yang panjang (Fauzi, 1997: 229). Ia merupakan dasar ekonomi negara tetapi dalam masa yang sama ia memberi keabsahan kepada pemimpin Melayu untuk menjalankan tanggungjawab pembangunan Melayu. Ia juga adalah keputusan politik atas rumusan yang memakan masa berpuluh tahun dan mencapai kemuncaknya apabila berlaku tragedi 13 Mei 1969 (Firdaus, 1991: 57). DEB dan beberapa dasar yang dibentuk ketika era Tun Razak adalah sebagai usaha pembangunan Melayu dan kejayaannya dapat dilihat apabila semakin ramai orang Melayu yang memperoleh pendidikan tinggi, pekerjaan yang berjawatan tinggi dan pembentukan institusi-institusi amanah yang melatih orang Melayu untuk terlibat dalam lapangan perniagaan. Peranan kerajaan diperkembangkan melalui penyediaan infrastruktur dan inisiatif untuk pembangunan ekonomi dengan penyertaan pihak swasta bagi menjana dan mengaktifkan penyertaan Melayu dalam sektor ekonomi (Osman Rani, 1990: 5).

Sebagai menunjang program pembangunan Melayu melalui pelaksanaan DEB, beberapa institusi amanah milik kerajaan telah dibentuk seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Nasional (PERNAS), Lembaga Pembangunan Bandar (UDA) dan

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN). Penekanan ditumpukan dalam sektor ekonomi komersial dengan fokus utamanya perusahaan dan perdagangan. Pola orientasi institusi amanah ini adalah mengarah kepada kepentingan Melayu sehingga langkah-langkah kerajaan yang diambil lebih menguntungkan Melayu. Hakikat ini diperkuat lagi apabila tahun 1974 Tun Razak selaku Perdana Menteri telah mengambilalih jawatan Menteri Kewangan yang sekian lama dipegang oleh MCA. Pengambilalihan itu turut menggambarkan pengaruh MCA dalam birokrasi ekonomi Malaysia mulai terhapus (Jesudason 1989: 77).

Usaha-usaha Tun Razak ini mendapat sambutan daripada orang Melayu yang cuba mengubah bentuk kehidupan mereka supaya dapat mengikis identiti dan persepsi konservatif sebelum ini yang mengatakan orang Melayu dalam konotasi yang serba negatif. Ketika ini juga muncul idea 'Revolusi Mental' yang disusun oleh Senu Abdul Rahman, seorang pemimpin UMNO peringkat tinggi. Idea ini muncul bertepatan dengan keperluan bahawa Melayu mesti ada anjakan paradigma dari sikap, cara berfikir, bertindak dan lebih utama untuk memajukan diri sendiri.

Di era Tun Hussein Onn usaha pembangunan Melayu masih diteruskan. Hal ini dapat diperhatikan melalui dasar-dasar Tun Razak yang diteruskan oleh beliau. Beliau menekankan kepada aspek pembangunan Melayu yang boleh dicapai melalui tahap pendidikan. Pendidikan ketika itu dianggap sebagai aset penting yang boleh mengubah nasib sesuatu bangsa; oleh itu beliau menggalakkan penghantaran pelajar-pelajar Melayu ke luar negara bagi melahirkan golongan profesional. Tambahan pula ketika itu di Malaysia hanya terdapat empat buah institusi pengajian tinggi awam iaitu UM, UKM, USM dan UTM yang sudah tentu tidak mampu menampung jumlah kemasukan mahasiswa yang ramai setiap tahun. Hasilnya pada tahun 1980 terdapat seramai 18804 graduan Melayu yang mendapat Ijazah Sarjana Muda berbanding 3084 orang graduan sahaja pada tahun 1970. Manakala golongan profesional Melayu yang terdiri daripada doktor, akauntan dan arkitek berjumlah 508 orang pada tahun 1979 berbanding hanya terdapat 159 orang sahaja daripada kelompok yang sama pada tahun 1970. Peningkatan ini adalah hasil usaha beliau untuk tujuan pembangunan Melayu melalui prinsip hak-hak keistimewaan Melayu yang direalisasikan daripada pelaksanaan DEB. Kouta kemasukan pelajar Melayu ke Universiti-universiti, pemberian biasiswa adalah antara hak-hak keistimewaan Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan yang diterima pakai oleh Hussein dalam perlaksanaan peranannya.

Koperasi Usaha Bersatu Berhad atau KUB adalah antara institusi amanah kewangan dan perbankan yang turut diaktifkan ketika pentadbiran Hussein Onn. Ia sebagai instrumen alternatif yang boleh digunakan oleh orang Melayu untuk menjana modal bagi tujuan pembangunan sosioekonomi mereka. Penubuhan KUB bukan memberi saingan kepada mana-mana koperasi dan institusi amanah yang sedia ada, tetapi ia diharap dapat menjadi pemangkin dan alternatif terhadap pembangunan Melayu. Pada masa yang sama pembentukan KUB ini bertujuan untuk memperbanyak usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan Melayu.

Kepimpinan UMNO di bawah Dr. Mahathir telah melakukan lebih banyak usaha ke arah pembangunan Melayu. Perbincangan ini tidak akan cuba melihat semua usaha tersebut tetapi memilih hanya beberapa yang difikirkan sangat dominan dan relevan, antaranya ialah melalui Dasar Pandang ke Timur. Dasar ini adalah implimentasi revolusi mental yang pernah diutarakan oleh kepimpinan UMNO semasa era Tun Razak. Beliau cuba mengubah sikap Melayu dengan menjadikan falsafah hidup dan budaya kerja masyarakat Jepun dan Korea Selatan sebagai contoh. Usaha yang konsisten ini nampaknya mambuahkan hasil apabila orang Melayu mengambil sikap yang positif terhadap cita-cita Dr. Mahathir itu.

Di pertengahan era kepimpinannya Mahathir telah berusaha menubuhkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang merupakan satu sarana untuk melahirkan dan mengembangkan kapitalis Melayu yang dimaksudkannya sebagai Melayu Baru (Abdul Rahman, 1996: 526). Peranan MPPB adalah memantau sejauh mana pencapaian kuantiti orang Melayu dalam bidang perniagaan, teknologi moden dan meningkatkan ekuiti orang Melayu. Tujuan beliau adalah untuk meningkatkan mutu usahawan, melahirkan ahli perniagaan yang berkualiti, berpengalaman, berpengetahuan tinggi dalam bidangnya, mengenali disiplin jual beli, bertanggungjawab, cekap, mampu bersaing di peringkat antarabangsa (Mustafa, 1995: 13). Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJPII) yang dilancarkan bagi menggantikan DEB, adalah kesinambungan untuk modenisasi pembangunan masyarakat Melayu. Jika DEB tidak diteruskan atau diganti dengan dasar lain yang boleh melindungi Melayu hakikatnya orang Melayu akan bersaing dengan lain-lain etnik untuk terus maju. Timbul persoalan mampukah Melayu untuk bersaing sendiri? Sedangkan pada masa yang sama gerakan modenisasi dan industrialisasi ini dituntut pula keperluan supaya diimbangi oleh keyakinan terhadap nilai tradisi yang positif (Anwar, 1997: 16).

Berbagai dasar dan implimentasi yang telah dilaksanakan menampakkan kesungguhan kepimpinan UMNO untuk pembangunan Melayu dan untuk tujuan itu peranan kerajaan perlu diteruskan sesuai dengan saranan beliau dalam bukunya *Dilema Melayu*. Setelah beliau mengambil alih kepimpinan UMNO dan cuba memainkan peranan kerajaan dalam pembangunan Melayu, beliau mendapati “...some may think that it is a dilemma that cannot be reconciled. This is not true. It may, however, reflect the lack of self-confidence on one's part. If we are prepared to face our problems positively and are also prepared to overcome our own weakness, this so-called dilemma will no longer exist ...” (Khoo, 1995: 335). Kini dengan bantuan, peranan dan perlindungan daripada kerajaan telah muncul golongan kapitalis Melayu yang dikenali juga sebagai korporat Melayu yang dapat dibanggakan. Mahathir boleh dianggap sebagai kepimpinan UMNO yang pertama yang melibatkan peranan kerajaan secara langsung, aktif dalam perniagaan dan telah menswastakan badan-badan kerajaan dalam keghairahannya untuk menjayakan langkah pembangunan Melayu.

Korporat mengikut takrif secara umum ialah seseorang usahawan yang berupaya menguasai bidang perniagaan atau perindustrian yang tertentu di mana ia menjadi pemilik dan pengerak utama serta berupaya menguasai kewangan dan kepakaran yang

diceburinya (Kamarul, 1997: 10). Antara korporat Melayu yang pernah muncul dan dapat dibanggakan oleh UMNO ialah; Daim Zainuddin (Paremba Group), Yahya Ahmad (DRB-Hicom), Halim Saad (Renong), Khalid Ibrahim (Guthrie), Tajudin Ramli (MAS, TRI), Azman Hashim (Arab Malaysian), Rashid Hussain (RHB), Wan Azmi Wan Hamzah (Land General), Shamsudin Abdul Kadir (Uniphone), Nadzmi Salleh (Mara Holding), Zahid Hamidi (Kertam Holding), Khalid Ahmad (MRCB), Kadir Jasin (MRCB), Nadzri Abdullah (MRCB), Mirzan Mahathir (Konsortium Perkapalan), Mokhzani Mahathir (Tongkah Holding), Kamarudin Jaafar (Hexagon Holding), Ismail Ishak (Idris Hydraulic), Mat Shah Safuan (Kesang Tin), Ahmad Sebi Abu Bakar (NSTP), Amin Shah Omar Shah (Business Fokus), Mohammad Ali Hashim (Kumpulan Perubatan Johor), Ibrahim Mohamed (Promet), Sulaiman Manan (KTMB), Kamal Salleh (Cement Industries), Mohd. Hasni Wan Sulaiman (Abrar Group).

Dengan demikian, konsep Melayu baru yang dicanangkan oleh Mahathir sebenarnya adalah dengan merujuk kepada usahawan dan korporat Melayu supaya dapat berusaha, mampu bersaing di dalam dan di peringkat antarabangsa. Ada juga tokoh korporat Melayu ini yang berasal dari kalangan istana seperti Tunku Naquiddin Tuanku Jaafar, Tunku Imran Tuanku Jaafar, Tunku Abdullah Tuanku Abdul Rahman, Tunku Iskandar Tuanku Abdullah, Tunku Yaacob Tunku Abdullah dan Tunku Abdullah Sultan Ahmad (Mohd. Fauzi Yaacob, 1997: 217). Kelompok ini sebenarnya tidak sukar untuk mencapai kejayaan sedemikian kerana mereka sebagai kapitalis aristokrat meletakkan status dan keistimewaan kelas yang mereka miliki sebagai batu loncatan untuk berjaya. Sementara itu kelahiran para usahawan dan korporat Melayu yang berjaya diharapkan dapat membantu melahirkan golongan masyarakat Melayu yang maju (Mustafa, 1995). Kejayaan perniagaan syarikat diukur berdasarkan dua kriteria. Pertama, syarikat mencatat keuntungan dalam perniagaan dan membolehkan mereka mengumpulkan modal yang lebih besar untuk meningkatkan skala perniagaan dan berkembang dari tahun ke tahun. Kedua, kejayaan meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan dan pentadbiran dan kecukupan teknologi dalam organisasi perniagaan untuk menjadi lebih kompetitif (Chin, 1998: 11).

Jika diteliti dalam konteks Melayu Baru idea Mahathir itu, kelompok sasarannya ialah golongan usahawan atau peniaga Melayu. Ini membuktikan bahawa wujud satu kelas sosial lain dalam usaha pembangunan Melayu itu sendiri kerana penekanan sebelum ini adalah untuk mempertingkatkan pembangunan Melayu secara umum. Meskipun demikian tidak dinafikan usaha beliau itu telah mengakibatkan munculnya '*psuedo-businessman*' iaitu usahawan Melayu yang tidak begitu berminat atau kurang mahir dengan perniagaan tetapi mereka ingin dikenali sebagai peniaga atau tokoh korporat. Mereka ini mempunyai jaringan yang kuat, khasnya bercorak politik yang menghubungkan mereka dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam pemberian lesen dan kontrak (Mohd. Fauzi Yaacob, 1994: 227).

Walau apapun anggapan sesetengah pihak tentang usaha Dr. Mahathir itu tetapi dari satu sudut ia membuktikan bahawa peranan kerajaan melalui kepimpinan UMNO tidak

sia-sia apabila orang Melayu mampu mengendalikan korporat yang berskala besar dan melibatkan jaringan peringkat antarabangsa (Mohd. Fauzi Yaacob 1997: 225). Walaupun di peringkat awal idea Melayu baru itu seolah-olah meninggalkan jiwa lama Melayu tetapi ia sebenarnya memperkuat jiwa Melayu yang mempunyai kepekaan mendalam terhadap tradisi, budaya, agama, sejarah yang perlu diungkapkan sesuai dengan keperluan zaman (Muhamad Muhd. Taib, 1994). Situasi ini dapat menghilangkan apresiasi tradisi tentang kelemahan Melayu yang tidak mampu terlibat dan menguruskan sektor ekonomi dengan baik. Kejayaan menghasilkan sebilangan jutawan dan kelompok peniaga Melayu ini, merupakan satu dinamika terhadap pembangunan Melayu.

Sepanjang 22 tahun menerajui kepimpinan UMNO dan telah mencipta berbagai kejayaan dalam usaha pembangunan Melayu, namun sikap Mahathir di penghujung era kepimpinannya agak mengejutkan orang Melayu sendiri. Setahun sebelum mengundurkan diri sebagai Presiden UMNO, pada Perhimpunan Agung UMNO 2003 beliau menimbulkan isu 'Melayu dan tongkat'. Beliau sengaja menimbulkan isu ini kerana sesuai dengan pencapaian 30% ekuiti Melayu dan Bumiputera masih gagal dicapai. Sebenarnya tujuan beliau menimbulkan persoalan apakah Melayu perlu terus dibantu oleh kerajaan adalah untuk memberi tugas dan bebanan tanggungjawab ini kepada Abdullah untuk ditanganinya. Mesejnya sangat jelas iaitu orang Melayu perlu terus dibantu supaya usaha pembangunan Melayu berkesinambungan.

Apabila Abdullah Ahmad Badawi menduduki jawatan presiden UMNO usaha pembangunan Melayu juga masih berjalan. Usaha ini dapat dibuktikan melalui reformasi secara menyeluruh terhadap sektor pertanian yang ditekankan oleh beliau. Sebagai seorang yang membesar dalam persekitaran pertanian, Abdullah telah memberi perhatian terhadap sektor ini yang sejak sebelum merdeka lagi di mana ia menjadi asas utama dalam soal pembangunan negara. Beliau cuba kembali kepada asas perekonomian negara iaitu bidang pertanian yang menurut beliau perlu diberi perhatian semula (Roslan, 2004). Sektor ini perlu diberi perhatian kerana empat sebab; pertama, ia sangat relevan diberi perhatian kerana majoriti masyarakat Melayu adalah terlibat dengan sektor ini. Memajukan sektor ini samalah matlamatnya untuk membangunkan Melayu. Kedua, mengurangkan nilai import terhadap barang-barang berasaskan pertanian, memandangkan Malaysia berpotensi untuk menghasilkan sendiri bahan-bahan keperluan berasaskan tani. Secara tidak langsung ia boleh membantu orang Melayu untuk mendayagunakan semua sumber-sumber pertanian tempatan yang ada. Ketiga, dengan mengambil kira bahawa usaha-usaha pertanian boleh mendatangkan nilai komersial (Ismail, 2004). Asas ini juga diharap dapat membantu pembangunan Melayu supaya tidak menjadikan sektor ini sebagai kelas pekerjaan terakhir untuk diterokai. Ia perlu dilihat sebagai sektor yang boleh mendatangkan pulangan yang lumayan dan bukannya sebagai sektor kelas kedua. Keempat, di era Mahathir sektor ini seolah terpinggir kerana keutamaannya adalah terhadap sektor perkilangan, industri berat dan perniagaan global.

Bagi menjayakan cita-cita tersebut, beliau telah membentuk Kementerian Pertanian dan Asas Tani dengan melantik Muhyiddin Yassin untuk menerajuiinya. Pembentukan

kementerian ini menunjukkan kesungguhan Abdullah dalam memastikan sektor pertanian memainkan peranan yang lebih penting terhadap kemajuan negara dan khususnya orang Melayu. Justeru itu, sektor berkenaan yang menjadi tunjang dan nadi ekonomi Melayu bukan sahaja perlu diberi perhatian tetapi perlu mendapat perhatian yang serius oleh kerajaan.

KESIMPULAN

Melihat secara kronologis dalam berbagai situasi yang berbeza, dinamika pembangunan Melayu dapat dilihat melalui keterbelakangan Melayu sejak dari era tradisional, kolonialisme, implikasi daripada insiden 13 Mei 1969 dan kelahiran DEB sebagai rangkaian kepada usaha ke arah pembangunan Melayu. Walaupun DEB muncul daripada keruntuhan sosioekonomi tetapi dari aspek realitinya ia adalah strategi ekonomi politik yang digunakan oleh pemimpin UMNO untuk mengatasi kemunduran Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa kewujudan DEB atas nama kepentingan negara telah dimanipulasi kepimpinan UMNO untuk mengatasi kemunduran Melayu. Manipulasi dasar di sini bertujuan jika sesuatu dasar politik yang tulin dipilih untuk penyelesaian sosioekonomi Melayu tentu ia akan mendapat reaksi dan pertentangan daripada bukan Melayu. Hal ini kerana dasar politik lebih mengarah kepada penyelesaian selesa untuk kaum masing-masing di mana ia juga berbeza dengan dasar ekonomi kerana ia membuka ruang kepada siapa sahaja yang mampu untuk merebut peluang yang disediakan dan seterusnya bersaing untuk memperoleh hasilnya. Tambahan pula sistem ekonomi liberal yang diterapkan di Malaya oleh kolonial Inggeris dan kepimpinan Tunku yang konservatif tidak menghalang individu untuk memperoleh kekayaan sebanyak mana yang ia mampu.

Begitu juga dengan DEB, ia bukan dasar semata-mata tetapi instrumen yang dimulai oleh Tun Razak dan UMNO untuk kepentingan pembangunan Melayu. Di era beliau, usaha terhadap pembangunan Melayu giat dijalankan melalui berbagai program dan pembentukan institusi amanah. Kepimpinan Hussein Onn yang kemudiannya meneruskan kebanyakan daripada dasar-dasar Razak turut menekankan aspek membuka peluang pendidikan kepada anak-anak Melayu. Ketika itu pendidikan sangat relevan dan ia boleh menjadi agen pembangunan individu, bangsa dan negara.

Campur tangan pemimpin UMNO secara langsung dalam usaha melahirkan korporat Melayu adalah salah satu elemen pembangunan Melayu di era Mahathir yang diistilahkan sebagai Melayu baru. Usaha awal memang telah membuahkan hasil apabila usaha beliau itu berjaya melahirkan jutawan-jutawan Melayu yang dapat dibanggakan pada awal tahun 1990-an. Walau bagaimanapun, atas sikap kebergantungan kepada elit politik secara berterusan menyebabkan daya saing dan ketahanan korporat Melayu menjadi rapuh dan mudah goyah. Kegawatan ekonomi dunia yang bermula pada 1997 dan belum reda hingga awal abad ke-21 ini menjadikan korporat Melayu yang mewakili Melayu Baru turut terjejas. Tambahan pula gelombang globalisasi menjadikan mereka semakin

tertekan malah tidak kurang juga yang mengalah. Bagi mengatasi supaya 'Melayu Baru' yang dibina ini mampu bangkit dan bersaing kembali, tidak lain adalah dengan 'tongkat' yang sangat diperlukan lagi. Manakala kepimpinan Abdullah pula mula menyedari bahawa asas dan tunjang ekonomi Melayu ialah pertanian, maka beliau telah memberi nafas dan penekanan semula terhadap sektor ini. Kewajaran langkah beliau itu kerana majoriti orang Melayu masih bergantung kepada sektor ini. Memberi suntikan dan kemajuan kepada bidang ini secara bersungguh-sungguh juga sebenarnya adalah satu usaha pembangunan Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 1996. Social transformation; the state and middle classes in post independence Malaysia. *South Asia Studies*, 34 (3): 524-547.
- Abdul Rahman Embong. 1999. Melayu Baru dan wacana tentang pemodenan masyarakat Melayu. *Kertas Kerja Antropologi & Sosiologi*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. 2000. Negara bangsa: proses dan perbahasan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anwar Ibrahim. 1997. Gelombang kebangkitan Asia. Kuala Lumpur: Watan.
- Alfian. 1992. Pemikiran dan perubahan politik Indonesia. Jakarta: Gramedia.
- Cheeseman, H. R. 1948. Education in Malaya. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Comber, L. 1985. Peristiwa 13 Mei 1969: Sejarah perhubungan Melayu-Cina. Terj. Omardin Ashaari. Petaling Jaya: International Book Service.
- Crough, H. 1986. Politik wang di Malaysia. Dlm. Jomo. K. S. Dasar-dasar ekonomi Mahathir. Kuala Lumpur: Insan.
- Crough, Harold. 1996. Government & society in Malaysia. Australia: Allen & Unwin.
- Edmund Terence Gomez & Jomo. K. S. 1997. Malaysia's political economy: Politics, patronage and profits. United Kingdom: Cambridge University.
- Fawzi Basri, Mohd. Idris Salleh & Shafiee Saat. 1991. Bumi dipijak milik orang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Fauzi Yaakob. 1997. Keusahawanan Melayu dalam dekad 1990-an; Perkembangan dan isu. Dlm. Norazit Selat. et al. Meniti zaman masyarakat Melayu antara tradisi dan perubahan. Kuala Lumpur: Utusan Publication.

- Firdaus Abdullah. 1991. Masalah Melayu dan DEB. Dlm. Khadijah Muhamad & Halimah Awang. DEB dan masa depan. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Gullick, J.M. 1978. Sistem politik bumiputera Tanah Melayu Barat. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Haflah Piei & Chamhuri Siwar. 1989. Rancangan Malaysia Keenam. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harper, T. N. 1996. New Malays, new Malaysian: nationalism, society and history. Southeast Asian Affairs: 238-255.
- Hing Hong Yong. 1998. Ceo Malaysia; strategy in nation building. Selangor: Pelanduk Publication.
- Hussain Mohamed. 1998. Keajaiban UMNO: Sistem sokongan dan kelangsungan sebuah parti politik Melayu. Dlm. Hashim Awang, Zahir Ahmad & Zainal Abidin Borhan. Pengajian sastera dan sosiobudaya Melayu memasuki alaf baru. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- Ismail Nor. 2004. Pak Lah kepimpinan berteraskan akauntabiliti. Selangor: Thinker's Library.
- Jamaie Hj. Hamil. 1993. Perang Kelang: tinjauan terhadap pihak-pihak terlibat. Skripsi Sarjana. Universiti Hasanuddin.
- Jesudason, J. V. 1989. Ethnicity and the economy; the states, Chinese business and multinational in Malaysia. Singapore: Oxford University Press.
- Jomo. K. S. 1988. Pembangunan ekonomi dan kelas sosial di Malaysia. Terj. Shamsul Bahriah Ku Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Jomo. K. S. 1991. Masyarakat Malaysia: cabaran sosioekonomi. Kuala Lumpur: Insan.
- Jomo. K. S. 1997. Rethinking Malaysia. Kuala Lumpur: Malaysia Social Science Association.
- Kamarul Arifin. 1997. Korporat Melayu alaf baru. Pemikir. Oktober: 36-59.
- Keesing, R. M. 1989. Antropologi budaya; suatu perspektif kontemporer. Terj. Samuel. G. Jakarta: Erlangga.
- Khasnor Johan. 1984. The emergence of modern Malay administration elite. Singapore: Oxford University Press.

- Khoo Boo Tiek. 1995. Paradoxes of Mahathir; an intellectual biography of Mahathir Mohamad. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Khoo Kheng Hor. 2004. Abdullah administration, Abdullah Ahmad Badawi & his government from Sun Tze's perspective. Selangor: Pelanduk Publication.
- Khoo Kay Kim. 1982. Melaka dan sejarahnya. Melaka: Persatuan Sejarah Melaka.
- Mahathir Mohamad. 1982. Dilema melayu. Terj. Ibrahim Saad. Kuala Lumpur: Federal Publication.
- Mahathir Mohamad. 1998. The way forward. London: Weidenfeld & Nicolson.
- Milne, R. S. & Diane, K.M. 1978. Politics and government in Malaysia. Singapore: Federal Publication.
- Muhamad Haji Muhd Taib. 1994. Melayu baru. Kuala Lumpur: ITC Book Publisier.
- Osman Rani. 1990. Economic deveelopment and ethnic integration; the Malaysia experiance. Sojourn 5 (1): 1-34.
- Ramlah Adam. 1996. Ekonomi masyarakat Melayu 1951-1955: aktiviti RIDA, UMNO dan Dato' Onn. Kajian Malaysia, XIV (1 & 2): 1-36.
- Roff, W. 1975. Nasionalisme Melayu. terj. Ahmad Boestamam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Roslan Abdul Hamid. 2004. Abjad kemuliaan 100 hari pertama Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Kuala Lumpur: Penerbit DD Media Consult.
- Rustam A. Sani. 1993. Melayu Baru dan bangsa Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia.
- Shaharuddin Maaruf. 1988. Malay ideas on development; from feudal lord to capitalist. Kuala Lumpur: Times Books International.
- Shahnon Ahmad. 1994. Melayu Baru; bobot dana ketandusan idea. Dlm. Ahmad Lutfi Othman. Mahathir khianati Melayu. Selangor: Pemuda.
- Shamsul. A. B. 1982. Perancangan pembangunan negara selepas merdeka 1957-1975: Tinjauan sejarah perkembangan sosioekonomi Malaysia. Dlm. Persatuan Sejarah Malaysia. Sejarah dan proses perkembangan. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

- Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif. 1999. From Malacca to the new economy policy. Dlm. B. N. Gosh & Muhammad Syukri Salleh. Political economy of development in Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Winstedt, R. O. 1986. A history of Malaya. Kuala Lumpur: Marican & Sons (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Yoshihara Kunio. 1995. Kemunculan kapitalis tiruan di Asia Tenggara. Terj. Ishak Shaari. Petaling Jaya: Forum.
- Yussof Hashim. 1989. Kesultanan Melayu Melaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Yussof Hashim. 1996. Wira melayu dalam konteks patriotisme zaman kesultanan Melayu Melaka. Dlm. Abdul Latif Abu Bakar. Melaka dan arus gerakan kebangsaan Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.